

**PENYATA  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

*Special Select Committee on  
Competence, Accountability and Transparency  
(SELCAT)*

**Mengenai**

**SIASATAN KE ATAS URUSNIAGA PERLOMBONGAN PASIR  
KUMPULAN SEMESTA SDN.BHD. (KSSB)**

**Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) ke atas Urusniaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.**

**MUKADIMAH**

1. SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 2, 3, dan 4 Jun 2010 dan 5 Mac 2012 bagi menyiasat Urusniaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ("KSSB") hasil permintaan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ("MMKN") terhadap dakwaan penyelewengan dalam proses permohonan permit dan urusniaga Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.
2. Saksi-saksi yang berikut telah dipanggil untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen yang berkaitan:-
  - a) YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari - SP1  
Ahli MMKN
  - b) Dato' Abd Nasir bin Hassan - SP2  
Pengarah Tanah dan Galian Selangor ("PTG")
  - c) Encik Abdul Shukor Nagor - SP3  
Pengerusi Bukan Eksekutif, KSSB
  - d) Ir. Ramli Abd Majed - SP4  
Pengarah Eksekutif, KSSB
  - e) Encik Saidi Rizal b. Abu Hassan - SP5  
Juruaudit Luar KSSB  
Saidi Rizal Associates

- f) Encik Robert Chew Kah Eng - SP6  
Programmer SDY  
Pembekal Mesin Timbang kepada KSSB
- g) YB Tuan S. Manikavasagam - SP7  
Ahli Parlimen kawasan Kapar.
- h) Encik Cheong Hoong Wooi - SP8  
Peniaga Pasir
- i) Encik Lau Chai Eng - SP19  
Peniaga Pasir
- j) YB Tuan Shuhaimi bin Shafiei - SP10  
Ahli Dewan Negeri Selangor kawasan Sri Muda
- k) YB Tuan Amirudin bin Shari - SP11  
Ahli Dewan Negeri Selangor kawasan Batu Caves
- l) Ir. Wan Abdul Rahim bin Wan Ismail - SP12  
Ketua Pegawai Eksekutif KSSB

**A. PERMOHONAN MELOMBONG PASIR DAN PERANAN KSSB**

**FAKTA DAN PENEMUAN**

3. Pada 26.6.2008, MMKN telah menubuhkan sebuah syarikat bernama Kumpulan Semesta Sdn Bhd (“KSSB”) dengan pegangan saham 100% milikan Perbadanan Menteri Besar (Menteri Besar Incorporated)(“MBI”) dengan modal RM5 juta dan modal berbayar RM2.5 juta.

4. KSSB ditubuhkan untuk menguruskan bahan batuan dan pasir dalam Negeri Selangor dan merupakan sebahagian dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor yang berperanan untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri di samping memberi maklumat kepada pihak berkuasa tempatan dalam memantau operasi perlombongan pasir haram.
5. Punca utama yang mendorong kepada penubuhan KSSB adalah untuk mengatasi masalah pengurusan aktiviti melombong pasir yang sebelum ini tiada kawalan teratur untuk menguruskan aktiviti melombong pasir di Selangor dijalankan dengan mengambil kira faktor alam sekitar, pencemaran dan kaedah penjualan; ketiadaan kawalan lengkap kerana kelulusan dibuat di peringkat daerah dan jumlah royalti yang rendah, contohnya menurut SP1, sekitar RM2.7 juta bagi tahun 2007 untuk semua jenis lombong.
6. Malah, pada tahun sebelum 2008, hanya sebuah syarikat sahaja yang dibenarkan untuk mengendalikan operasi lombong pasir di seluruh Selangor. Syarikat tersebut tidak menjalankan perlombongan sendiri tetapi memberikan kontrak kepada syarikat yang lain tanpa apa-apa kawalan, tender dan peraturan.
7. Objektif utama penubuhan KSSB, antara lain adalah untuk:-
  - a) memenuhi permintaan pasir di Selangor;
  - b) meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri Selangor melalui pungutan royalti dari aktiviti melombong pasir;
  - c) memastikan aktiviti melombong pasir mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan mesra alam;

- d) memberi peluang kepada operator-operator beroperasi secara sah, membentaras atau mengurangkan bilangan lombong haram dan pengimportan pasir dari negeri jiran; dan
  - e) mengekstrak sumber-sumber galian lain seperti timah, amar tanah liat dan aktiviti-aktiviti kuari.
8. Pada semua masa yang berkenaan, Lembaga Pengarah KSSB terdiri daripada anggota-anggota berikut:-
- a) Encik Abdul Shukur Nagor – Pengerusi
  - b) Dato' Mohd Arif bin Abd Rahman – Pegawai Kewangan Negeri
  - c) Encik Wong Su Kok
  - d) Encik Mohd Hairudin Osman
  - e) Ir. Ramli bin Abd Majed – Pengarah Eksekutif
9. Pengurusan KSSB adalah dikendalikan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah KSSB sementara kelulusan untuk perlombongan adalah dibuat oleh MMKN. MMKN juga memantau keseluruhan operasi KSSB melalui jabatan teknikal, Pejabat Tanah dan Galian (“PTG”), Jabatan Alam Sekitar (“JAS”) dan Lembaga Urus Air Selangor (“LUAS”).
10. Kerajaan Negeri diwakili oleh Pegawai Kewangan Negeri dalam Lembaga Pengarah KSSB.
11. Terdapat 3 jenis lombong pasir di Selangor iaitu lombong tanah Kerajaan, cuci gali sungai dan lombong persendirian di mana kesemuanya hendaklah memperolehi kelulusan daripada MMKN.
12. KSSB diberi kelulusan untuk melombong di tanah Kerajaan sementara syarikat swasta lain yang ingin membuat permohonan untuk melombong pasir di tanah persendirian, permohonan hendaklah dibuat melalui KSSB

- yang bertanggungjawab memproseskan permohonan sedemikian sehingga dibawa untuk keputusan MMKN. Jawatankuasa KSSB yang menilai permohonan untuk melombong di tanah persendirian adalah Jawatankuasa Penilai Lombong Persendirian yang turut dihadiri oleh 2 orang pegawai PTG.
13. Dalam proses permohonan untuk kelulusan lombong tanah persendirian, KSSB dikehendaki memenuhi syarat-syarat teknikal seperti laporan Alam Sekitar dan laporan LUAS. Laporan-laporan tersebut dikehendaki dibawa ke Jawatankuasa Tanah dan Sumber Alam dan kemudiannya dibawa ke MMKN untuk keputusan.
  14. Setelah kelulusan diperolehi daripada MMKN, maka KSSB akan dipertanggungjawabkan untuk memantau pengurusan perlombongan syarikat swasta sedemikian.
  15. Pemantauan KSSB hanya terhad kepada memastikan perlombongan di tanah persendirian adalah mengikut tata perlombongan iaitu cara dan teknik perlombongan selain daripada memastikan ketiadaan pencerobohan dan kecurian pasir oleh mana-mana pihak di atas tanah persendirian. Kuasa pemantauan dan pengawalan ini juga terbatas kepada tanah lombong Kerajaan yang diberikan kepada KSSB.
  16. Kuasa-kuasa PTG dalam kes-kes pencerobohan tanah dan penguatkuasaan yang lain masih dilaksanakan oleh PTG dan kuasa tersebut tidak dilaksanakan oleh KSSB.
  17. Dasar yang dilaksanakan ini dapat meringankan sebahagian beban Pentadbir Tanah dari segi kapasiti, logistik, kemahiran dan tenaga kerja dalam penguatkuasaan undang-undang terhadap perlombongan tanpa izin.
  18. Setakat Mei 2010, sebanyak 31 syarikat swasta dan individu telah memohon untuk melombong di tanah persendirian di mana kelulusan dasar telah

diberikan kepada 8 syarikat dan antaranya hanya 1 sahaja yang memperolehi kelulusan permit 4C. Selainnya masih dalam proses penyediaan maklumat teknikal dan penilaian jabatan teknikal.

19. Permit 4C adalah permit yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara yang membenarkan pengambilan dan pengalihan pasir daripada kawasan yang diluluskan.
20. Permit 4C tersebut diberi untuk tempoh 3 bulan dan mengikut syarat KSSB dikehendaki mengemukakan laporan pengeluaran pasir bagi tempoh permit tersebut sebelum permit berikutnya dipertimbangkan.
21. Sementara itu, KSSB juga telah membuka 7 lombong pasir di sekitar Kuala Selangor, Sepang, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Hulu Langat yang diusahakan oleh operator-operator yang memenangi tender lombong melalui tender terbuka.
22. Pada masa yang sama, terdapat 28 lokasi yang mengusahakan pemrosesan pasir melalui cuci gali sungai.
23. Menurut SP1, dalam tahun 2008 dan 2009, hanya lombong tanah Kerajaan dan sungai sahaja yang diluluskan untuk beroperasi dan royalti yang diperolehi adalah RM1.47 juta bagi tahun 2008 dan RM5.764 juta bagi tahun 2009 di mana lombong tanah persendirian belum diluluskan untuk beroperasi.
24. Mengikut rekod KSSB, berikut adalah unjuran KSSB dan rekod sebenar (termasuk bayaran Lesen Menduduki Sementara):-

Tahun	Sasaran Kuantiti dan Royalti	Kuantiti dan Royalti Dibayar
2008	260TM, RM473,200.00	220,138.59TM, RM1.47 juta
2009	3.74juta TM, RM6.8 juta	1.7 juta TM, RM5.764 juta

\*\*TM= Tan Metrik

25. Menurut rekod kutipan royalti pasir yang dibentangkan oleh SP2, yang berdasarkan kepada sumber Pejabat Tanah dan Daerah dan Pegawai Kewangan Negeri pula, jumlah kutipan royalti yang diperolehi dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:-

Tahun	Royalti
2005	RM3.54 juta
2006	RM4.37 juta
2007	RM4.59 juta
2008	RM7.13 juta
2009	RM5.29 juta

26. Kerajaan Negeri Selangor juga memperolehi pendapatan keuntungan melalui KSSB dalam aktiviti lombong pasir.
27. Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan pembukaan lombong tanah persendirian, pendapatan royalti Kerajaan Negeri dan keuntungan KSSB dari lombong pasir boleh mencapai jumlah RM50 juta. Kenyataan sebelum ini bahawa Kerajaan Negeri akan memperolehi pendapatan dari lombong pasir sebanyak RM120 juta adalah tidak berasaskan kepada maklumat yang lengkap.
28. Lombong tanah persendirian tidak dibuka serentak dengan lombong tanah Kerajaan dan cuci gali kerana Kerajaan Negeri memerlukan masa untuk memahami proses-proses pentadbiran yang memakan masa kira-kira 6 bulan



dan juga Kerajaan Negeri berhati-hati dalam proses meluluskan lombong pasir.

29. PTG tidak memberi layanan yang istimewa kepada permohonan yang dibentangkan oleh KSSB. Malah terdapat permohonan KSSB yang telah ditolak.
30. Di samping itu, Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu pasukan yang dipanggil Merinyu Pasir yang dianggotai oleh pegawai-pegawai teknikal daripada pejabat-pejabat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, LUAS, Jabatan Mineral dan Geosains dan PTG sendiri yang fungsinya, antara lain, adalah untuk memantau operasi di lombong-lombong KSSB.

## RUMUSAN

31. Oleh kerana KSSB mempunyai kuasa untuk menentukan kesesuaian atau kebolehlaksanaan sesebuah permohonan untuk melombong di tanah persendirian tanpa perlu memaklumkan mana-mana pihak secara rasmi walaupun terdapat 2 orang pegawai PTG yang turut hadir di dalam jawatankuasa yang mengkaji permohonan, kuasa ini berkemungkinan boleh disalahgunakan tanpa pemantauan yang lebih ketat dan sistematik.
32. Kuasa ini boleh memberikan ruang untuk menyuburi amalan rasuah yang mungkin meresap ke dalam pengurusan anak syarikat Kerajaan Negeri walaupun dalam perkara ini tiada keterangan yang menyarankan terdapat unsur-unsur rasuah yang berlaku setakat ini.
33. Penubuhan KSSB dan peranan yang diberikan kepadanya oleh Kerajaan Negeri tidak menimbulkan masalah pertindihan kuasa yang akan menjejaskan kuasa atau wibawa mana-mana jabatan kerajaan khususnya PTG.

34. Penguatkuasaan untuk mencegah pencerobohan tanah dan kecurian pasir di atas tanah lombong yang tidak diamanahkan kepada KSSB tetap berada di bawah seliaan PTG di mana KSSB tidak mempunyai kuasa langsung untuk melaksanakan kuasa di bawah Kanun Tanah Negara.
35. Malah operasi KSSB telah meringankan beban kerja Pentadbir Tanah dalam pengawalan dan pemantauan ke atas pencerobohan tanah dan kecurian pasir khususnya di tanah Kerajaan yang diamanahkan kepada KSSB dan di tanah persendirian secara amnya.
36. Kerajaan Negeri seharusnya membenarkan permohonan untuk melombong pasir di tanah persendirian di jalan serentak apabila permohonan untuk melombong pasir di tanah Kerajaan dibenarkan. Alasan yang diberikan oleh Kerajaan melalui SP1 bahawa Kerajaan memerlukan masa untuk memahami proses pentadbiran sebelum membenarkan permohonan tanah persendirian tidak meyakinkan memandangkan piawai yang terpakai untuk mempertimbangkan kesesuaian dan kebolehlaksanaan sesebuah permohonan perlombongan itu adalah sama. Dasar Kerajaan Negeri dalam hal ini tidak mencerminkan kecekapan yang sepatutnya.

## SARANAN

37. Oleh yang demikian, Jawatankuasa SELCAT menyarankan bahawa memandangkan KSSB mempunyai kuasa menentukan kesesuaian atau kebolehlaksanaan sesebuah permohonan untuk melombong di tanah persendirian tanpa perlu memaklumkan mana-mana pihak secara rasmi, di mana ia berpotensi disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, maka satu tatacara perlu digubal untuk menentukan kuasa yang diberikan kepada KSSB ini dilaksanakan dengan baik tanpa disalahgunakan.

**B. PENGURUSAN KSSB**

**FAKTA DAN PENEMUAN**

38. KSSB telah beroperasi mulai 2008 dengan 5 orang kakitangan, 4 daripadanya dalam Bahagian Pengurusan dan seorang Pengurus Kanan Keselamatan. Sehingga Disember 2008, bonus interim atau bonus sementara bersamaan 2 kali ganda gaji bulanan telah diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan KSSB dan sehingga 30.6.2009, selepas kira-kira 11 bulan KSSB mula beroperasi. Dari Ogos 2008 hingga Jun 2009, bonus sejumlah yang bersamaan 4 bulan gaji telah dibayar kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan pekerja KSSB iaitu secara puratanya kira-kira 3.49 kali ganda gaji bulanan masing-masing dalam tahun perakaunan KSSB yang berakhir pada 30.6.2009.
39. Pada semua masa yang berkenaan, jumlah Ahli Lembaga Pengarah, dan kakitangan yang menerima gaji dan bonus dari KSSB adalah seperti berikut:-
- a) 2 orang Ahli Lembaga Pengarah;
  - b) 18 orang anggota dalam Pengurusan dan Ibu Pejabat KSSB di Shah Alam;
  - c) 9 orang dalam Bahagian Keselamatan; dan
  - d) 15 orang di Tapak Perlombongan.
40. Daripada jumlah 45 orang anggota dalam KSSB, berikut adalah senarai nama Ahli Pengarah dan penasihat yang diberi bonus 4 bulan dalam tahun pertama KSSB beroperasi:-

Nama	Jawatan	Gaji (RM)	Bonus 4 bulan (RM)
(1) Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman	Pengarah	0	24,000 (Formula 6,000x4)
(2) Abdul Shukor Nagor	Pengerusi	8,000	32,000
(3) Dato' Anuar Md Nor	Penasihat	5,000	20,000
(4) Ir Ramli b Abd Majed	Pengarah Eksekutif	15,000	67,200 (+EPF)

41. Seramai 4 orang Pengurus Kanan juga di bayar bonus 4 bulan; seorang eksekutif dibayar bonus 3.5 bulan; 2 orang Penolong Pengurus dibayar bonus 3 bulan; 4 orang yang paling kanan di Tapak Perlombongan dibayar bonus 2.5 bulan; 3 eksekutif di pejabat Pengurusan dibayar bonus 2 bulan; 5 orang di pejabat Pengurusan, kesemua 8 orang di Bahagian Keselamatan dan 9 orang di Tapak Perlombongan dibayar bonus 1.5 bulan gaji dan 2 orang masing-masing di pejabat Pengurusan dan Tapak Perlombongan dibayar bonus 1 bulan.

## RUMUSAN

42. Adalah tidak wajar dan tidak munasabah bagi Lembaga Pengarah KSSB memberi bonus interim sejumlah yang bersamaan 2 bulan gaji selepas hanya 4 bulan beroperasi berdasarkan kepada unjuran bahawa KSSB akan memperolehi keuntungan pada akhir tahun perakaunan KSSB.
43. Bayaran bonus interim berdasarkan kepada unjuran keuntungan pada akhir tahun bukanlah satu amalan yang berhemah (*prudent practice*) dalam dunia perniagaan dan sudah pasti ianya tidak harus diamalkan di dalam anak syarikat dan agensi kerajaan atau pun badan berkanun.
44. Bayaran bonus sebanyak 3.5 gaji bulan selepas beroperasi 11 bulan bukanlah satu amalan yang baik walaupun KSSB telah memperolehi keuntungan pada tahun pertama kerana KSSB adalah sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri melalui MBI yang diberi kemudahan istimewa yang berbentuk seperti konsesi untuk melombong pasir di tanah kerajaan.

45. Dalam pemberian bonus, kelihatan juga tiada garis panduan berkenaan peratusan bonus yang harus diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan pekerja biasa. Dalam hal ini, SP3 telah jelas menyatakan bahawa keputusan KSSB tersebut adalah bergantung kepada cadangan yang dibentangkan oleh SP4 selaku Pengarah Eksekutif yang sesungguhnya adalah pihak yang berkepentingan malah merupakan penerima (benefisiari) yang terbesar kerana dengan gaji beliau yang paling tinggi dalam KSSB dan dengan bonus 4 bulan gaji, beliau menerima jumlah bonus yang paling tinggi di kalangan 45 orang yang berkhidmat dalam KSSB.

## SARANAN

46. Kerajaan Negeri harus menggubalkan satu garis panduan pemberian bonus untuk diguna pakai di semua anak syarikat dan badan berkanun Kerajaan Negeri bagi memastikan semua keputusan dalam pemberian bonus kepada mereka yang berkhidmat dalam anak syarikat dan badan berkanun terikat kepada satu garis panduan yang menggariskan prinsip dan piawai yang adil dan munasabah.
47. Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat dan badan berkanun juga tidak harus diberi bayaran bonus yang terlalu tinggi kerana mereka sendiri bukanlah pelabur atau pemegang saham yang mempunyai risiko kerugian. Peranan mereka lebih menjuruskan kepada pemantauan dari sudut dasar dan tidak terlibat secara langsung dalam operasi dan pentadbiran harian anak syarikat atau badan berkanun.

### C. ADUAN ORANG AWAM

#### FAKTA DAN PENEMUAN

48. Beberapa aduan awam telah dibangkitkan terhadap KSSB dalam media yang mencetuskan kontroversi terhadap KSSB.
49. Untuk mengkaji aduan, Jawatankuasa SELCAT telah meminta agar orang awam mengemukakan bukti untuk disiasat selanjutnya.
50. SP7, seorang Ahli Parlimen, SP8 dan SP9 yang kedua-duanya merupakan peniaga pasir yang berurusan dengan KSSB telah menghubungi urusetia Jawatankuasa SELCAT dan meminta supaya mereka dipanggil untuk memberi keterangan.
51. SP7 telah mengemukakan beberapa dokumen dan sekeping VCD kepada Jawatankuasa ini semasa Pendengaran Awam. Jawatankuasa SELCAT telah meneliti dokumen dan VCD berkenaan.
52. Sementara itu, SP8 dan SP9 juga telah memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa SELCAT setelah mengemukakan Surat Akuan terlebih dahulu.

#### RUMUSAN

53. Setelah meneliti keterangan SP7, SP8 dan SP9, dan dokumen serta VCD yang dibentangkan oleh saksi-saksi tersebut, Jawatankuasa SELCAT merumuskan aduan mereka adalah di luar bidangkuasa dan skop siasatan melalui pendengaran awam yang harus dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa Badan Perundangan.
54. Keterangan yang diberikan oleh SP7 adalah keterangan dengar cakap (*hearsay*) di mana beliau tidak mempunyai pengetahuan peribadi. Dokumen

yang beliau bantangkan adalah dokumen dari pihak ketiga dan tidak diketahui siapa pembuatnya. VCD yang dibentangkan oleh beliau juga tidak diketahui sumber asalnya dan maklumat yang terkandung dalam rakaman VCD tersebut yang melibatkan dakwaan unsur-unsur jenayah dan rasuah seharusnya disiasat oleh pihak berkuasa eksekutif yang berkenaan dan berada di luar kuasa dan bidangkuasa Jawatankuasa SELCAT sebagai Jawatankuasa Badan Perundangan untuk meneruskan siasatan.

55. Sementara itu, keterangan SP8 dan SP9, lebih menjurus kepada rasa tidak puas hati mereka terhadap cara KSSB menguruskan perniagaan dengan pihak peniaga pasir di mana jalan terbaik untuk mencari penyelesaian adalah melalui proses guaman. Jawatankuasa SELCAT tidak seharusnya menyiasat aduan berkenaan pertikaian urusniaga anak syarikat Kerajaan Negeri dan oleh yang demikian, KSSB juga tidak dipanggil untuk menjawab dakwaan yang dibawa oleh mereka.
56. Dakwaan oleh SP8 terhadap salahlaku pegawai dalam KSSB juga kekurangan asas dan lemah. Oleh yang demikian, adalah tidak adil untuk memanggil pegawai KSSB menjawab dakwaan yang kekurangan bukti asas.
57. Di samping itu juga, SP9 juga telah memaklumkan kepada urusetia Jawatankuasa SELCAT bahawa beliau tidak berminat untuk meneruskan aduannya di hadapan Jawatankuasa SELCAT selepas menghadiri Pendengaran Awam SELCAT.

#### **D. ADUAN TERHADAP AHLI DEWAN NEGERI**

##### **FAKTA DAN PENEMUAN**

58. SP10, Ahli Dewan Negeri Selangor kawasan Sri Muda, telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KSSB mulai Julai 2010.

59. Selain daripada itu, SP10 juga memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Seri Damai Construction Sdn. Bhd. (“SDSB”) mulai Ogos 2002 dan Double Dignity Sdn. Bhd. (“DDSB”) mulai Jun 2009.
60. DDSB adalah sebuah syarikat yang perniagaannya berkaitan dengan perladangan.
61. SP10 selaku Ahli Lembaga Pengarah KSSB hanya terlibat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memutuskan dan memantau dasar KSSB dan tidak terlibat dalam pengurusan atau operasi KSSB.
62. Pada semua masa yang berkenaan, kedua-dua SDSB dan DDSB tidak berdaftar sebagai kontraktor KSSB.
63. SP12, Ketua Pegawai Eksekutif KSSB juga memberi keterangan bahawa DDSB tidak berdaftar sebagai kontraktor, tidak pernah membuat permohonan dan tidak pernah diberi kontrak oleh KSSB.
64. Tiada rekod lain yang menunjukkan bahawa SP10 telah secara langsung atau secara tidak langsung membantu SDSB dan DDSB untuk mendapatkan kontrak KSSB.
65. Dakwaan terhadap SP10 juga telah disiasat oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) di mana siasatan tersebut dikategorikan sebagai “Tiada Tindakan Selanjutnya”.
66. SP11, Ahli Dewan Negeri Selangor kawasan Batu Caves juga dituduh mempengaruhi KSSB dalam urusniaga KSSB.
67. SP11 telah memaklumkan Jawatankuasa SELCAT bahawa beliau tidak pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KSSB.



68. SP11 telah dilantik sebagai Pengerusi MSNS Holdings, sebuah anak syarikat di bawah MBI; Ahli Lembaga Pengarah Bukit Beruntung Golf Club, juga sebuah anak syarikat MBI dan juga Ahli Lembaga Pengarah Selaman Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ("PKNS").
69. SP11 pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah DDSB untuk tempoh dari bulan September atau Oktober 2009 sehingga Ogos 2011 dan selepas itu beliau telah meletakkan jawatan.
70. Melainkan SP10, SP11 tidak mengenali Ahli Lembaga Pengarah KSSB dan tidak ada hubungan dengan KSSB.
71. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa SP11 telah mempengaruhi keputusan KSSB dalam pemberian kontrak KSSB kepada mana-mana syarikat termasuk syarikat yang SP11 dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada semua masa yang berkenaan.

## **RUMUSAN**

72. Oleh yang demikian, adalah dirumuskan oleh Jawatankuasa SELCAT bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa SP10 dan SP11 telah membantu mana-mana syarikat tersebut di atas untuk mendapatkan kontrak KSSB.

## **RUMUSAN KESELURUHAN**


73. Adalah pandangan Jawatankuasa SELCAT bahawa terdapat sedikit masalah pemahaman awam terhadap peranan KSSB pada permulaan operasinya pada tahun 2008 memandangkan ianya adalah satu entiti baru dan permohonan untuk permit melombong pasir telah buat kali pertamanya disatukan di bawah satu syarikat yang menguruskan syarat-syarat dan ulasan-ulasan

daripada 8 jabatan teknikal sebelum ianya dimajukan kepada PTG dan seterusnya kepada MMKN.

74. Mekanisma baru tidak diterangkan dengan jelas oleh Kerajaan Negeri pada peringkat awal dan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga dalam bidang perlombongan pasir juga menghadapi satu keadaan yang baru di mana mereka kelihatan juga tidak memahami dengan mendalam mekanisma yang baru.
75. Kerajaan Negeri dan KSSB hendaklah memandang serius rumusan dan saranan Jawatankuasa SELCAT supaya masalah tersebut tidak berulang.
76. Pihak PTG dan Pejabat Tanah hendaklah mempertingkatkan kecekapan dalam penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan dan kecurian pasir kerana kuasa penguatkuasaan adalah sentiasa berada di dalam tangan mereka.
77. Pihak KSSB sebagai sebuah syarikat yang terlibat dalam urusniaga pasaran terbuka hendaklah memastikan tatacara urusniaganya selaras dan sepadan dengan tatacara urusniaga pasaran terbuka. KSSB tidak seharusnya bertindak seolah-olah ianya adalah satu cabang Jabatan Kerajaan dan mengamalkan tatacara urusniaga yang boleh membawa tanggapan bahawa ianya menindas kerana mempunyai keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim, Pengerusi Jawatankuasa SELCAT, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 12 November 2012.

Disahkan oleh :



.....  
Dato' Teng Chang Khim

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai  
Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan  
( *Special Select Committee on  
Competence, Accountability and Transparency- SELCAT* )